

▼04/11/20-56MST

CNS9145

U PB 04-11 00165 XA043

AAB

Mahathir - Ghafar

MAHATHIR YAKIN GHAFAR TIDAK AKAN IKUT TENGGU RAZALEIGH

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin bekas Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba tidak akan melakukan kesilapan serupa seperti yang dilakukan Tengku Razaleigh Hamzah, yang meninggalkan perjuangan UMNO, walaupun tidak memegang apa-apa jawatan dalam parti.

"Ghafar berbeza daripada Tengku Razaleigh," kata Perdana Menteri ketika mengulas ucapan Ketua UMNO bahagian Pasir Mas, Haji Ibrahim Ali semasa membahaskan usul terima kasih terhadap ucapan Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO di sini, hari ini.

Ibrahim mengingatkan pemimpin parti supaya jangan membelakangi Ghafar sehingga menyebabkan tokoh yang telah berjuang lebih 40 tahun dalam UMNO itu berkecil hati dan terus meninggalkan parti.

Ibrahim khuatir perbuatan membelakangi Ghafar boleh mendorongnya menyertai Tengku Razaleigh, yang kini menerajui Parti Semangat 46.

Walaupun beliau percaya Ghafar tidak akan menurut jejak Tengku Razaleigh, beliau tidak akan teragak-agak menentang Ghafar habis-habisan seandainya beliau (Ghafar) menyertai pembangkang. -- Lagi.

▼04/11/20-46MST

CNS9154

U PB 04-11 00137 XA046

AAB DEM

Mahathir - Ghafar 2 (Akhir) Kuala Lumpur

(Ulangan Dengan Maklumat Tambahan Pada Perenggan Kedua)

Ghafar meletakkan semua jawatannya dalam kerajaan dan UMNO setelah memperolehi hanya tujuh pencalonan dari 153 bahagian bagi mempertahankan jawatan Timbalan Presiden parti, berbanding pencabarnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memperolehi 145 pencalonan.

Ghafar tidak hadir pada perhimpunan hari ini walaupun Setiausaha Agung parti, Datuk Mohamed Rahmat telah menghantar surat undangan kepadanya. Beliau kini dipercayai berada di luar negara.

Dr Mahathir berkata, Ghafar tidak mungkin membuat kesilapan seperti yang dilakukan Tengku Razaleigh.

Perdana Menteri berkata, beliau juga belum dapat menentukan peranan yang boleh dimainkan Ghafar selepas ini.

"Kita tidak boleh memutuskan begitu sahaja. Saya perlu memikirkan mengenai perkara itu kemudian sekiranya ada peranan (baginya)," kata beliau.

-- Bernama.

JO KAM.

▼04/11/20-55MST